

Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan Dalam Era Pandemik COVID-19



Oleh: Mior Ahmad Fikri Bin Mior Ifindi

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 9 Jun 2021

Kehadiran COVID-19 telah memberi kesan dan tamparan hebat bukan sahaja terhadap pembangunan sosial tetapi juga pembangunan ekonomi.

Akibatnya, sebahagian besar aktiviti ekonomi terhenti dan ada industri yang tidak beroperasi. Oleh itu, para pemain industri mengambil langkah mengurangkan kos operasi menerusi kaedah pengurangan pekerja.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah graduan siswazah di Malaysia meningkat kepada 5.29 juta orang atau 6.9 peratus lebih tinggi pada 2019 berbanding 4.94 juta orang pada tahun sebelumnya.

Peratusan graduan siswazah dalam tenaga buruh juga meningkat sebanyak 6.8 peratus daripada 4.14 juta orang pada 2018 kepada 4.42 juta orang pada 2019.

Walau bagaimanapun, kadar penyertaan tenaga buruh graduan siswazah menunjukkan penurunan sebanyak 0.1 peratus pada 2019, iaitu daripada 83.6 peratus kepada 83.5 peratus.

Jumlah penganggur dalam kalangan graduan siswazah pada 2019 pula dicatatkan seramai 170,300 orang, meningkat sebanyak 5.5 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 161,300 orang.

Sementara itu, kajian Institute of Student Employers (ISE) menyatakan, tahap pengambilan pekerja atau pasaran buruh graduan dan pelajar latihan atau penempatan di Malaysia turun sebanyak 15 peratus kepada 29 peratus tahun lalu.

Rata-rata graduan siswazah sememangnya mengimpikan untuk memasuki pasaran buruh sebaik sahaja selepas menamatkan pengajian.

Namun, ia menjadi cabaran terbesar untuk mereka kerana persaingan untuk mendapatkan pekerjaan adalah sangat tinggi.

Graduan juga perlu bersaing untuk memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Mereka yang mempunyai kemahiran dan kompetensi mempunyai kelebihan dalam kebolehpasaran pekerjaan.



Gambar hiasan.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Mohamed Ridza Wahiddin berkata, pihak universiti turut memainkan peranan yang penting untuk mengurangkan kadar pengangguran graduan dengan memperbanyakkan program yang memberi penekanan tentang kebolehpasaran graduan pada masa kini.



“Isu kebolehpasaran graduan menjadi agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) selaras dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan Institusi Pengajian Tinggi 2020-2025.

“Bagi melaksanakan pelan tersebut, Pusat Alumni dan Kerjaya USIM merangka pelan pembangunan untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar secara komprehensif.

“Dengan wujudnya program yang memberi pendedahan tentang kebolehpasaran mahasiswa, penekanan terhadap pembudayaan inovasi dan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa, nilai kelestarian dan kemahiran insaniah dapat dipupuk untuk membentuk kemenjadian seseorang graduan,” katanya.

Selain itu, bakal graduan perlu bersedia untuk menghadapi cabaran tersebut dan menggunakan kreativiti bagi menjalankan perniagaan.

Bagi mereka yang telah bergraduan dan belum memperolehi pekerjaan, mereka perlu berusaha untuk mengadaptasi situasi semasa dengan mengenal pasti kemahiran-kemahiran baharu yang diperlukan oleh industri.

Mereka perlu mencari peluang untuk meningkatkan kemahiran supaya sesuai dengan keperluan semasa.



Gambar hiasan.

Para graduan perlu menonjolkan keunikan kepakaran bidang mereka sebagai nilai tambah untuk dipilih sebagai pekerja.

Di samping itu, para graduan perlu mengambil peluang untuk memperkayakan pengetahuan dengan sumber-sumber terbuka menerusi program latihan dalam talian.

Mereka boleh memperolehi sijil-sijil kemahiran melalui pembelajaran dalam talian yang ditawarkan oleh organisasi di dalam dan luar negara.

Pada masa yang sama, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sewajarnya memberi fokus untuk menyelesaikan isu kebolehpasaran graduan.

KPT perlu mewujudkan kerjasama strategik dengan pelbagai kementerian untuk menerokai peluang baharu, sektor baharu dan menyediakan inisiatif mengukuhkan kemahiran dalam kalangan graduan.

Dalam hal ini, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan program latihan kemahiran baharu, meningkatkan kemahiran sedia ada dan melatih semula graduan supaya lebih kompeten serta memenuhi keperluan semasa.